

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sarawak

Tarikh : 11/09/2019

Edisi / Muka Surat : Sarawak /14

Tajuk : ANGKASA cadang sektor perindustrian tubuh koperasi

ANGKASA cadang sektor perindustrian tubuh koperasi

ALOR SETAR: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) mencadangkan supaya sektor perindustrian terutamanya pihak pengilang di negara ini untuk menubuhkan koperasi kakitangan bagi menjaga kebajikan pekerja.

Presiden ANGKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata walaupun penubuhan koperasi dalam sektor tersebut masih sedikit berbanding negara luar, ANGKASA sedia membantu pihak perindustrian yang mahu menubuhkan koperasi di kilang mereka.

“Penubuhan koperasi dalam jabatan dan agensi kerajaan sudah banyak tetapi untuk sektor perindustrian, antaranya kilang, tiada lagi. Kita lihat penglibatan pekerja kilang dalam keahlian koperasi akan memberi banyak manfaat selain dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup mereka.

“Penubuhan koperasi ini juga boleh dikembangkan dengan perniagaan antaranya dengan mewujudkan kedai runcit dan taska kanak-kanak bagi memudahkan pekerja di kilang berkenaan selain dapat

menyediakan peluang pekerjaan,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Terdahulu, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir merasmikan bangunan baharu ANGKASA Kedah di Jalan Kota, di sini selain turut menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara ANGKASA dan Koperasi Kakitangan Kumpulan Syarikat Dr. Azizan Kedah Berhad (Kokusda).

Sementara itu, Abdul Fattah berkata Jabatan Mineral dan Geosains telah mempel-

awa ANGKASA Kedah untuk turut sama dalam projek pembangunan dalam sektor pelancongan untuk memajukan kawasan Geopark Jerai yang membabitkan kawasan darat dan laut seluas kira-kira 800 kilometer persegi.

“Projek yang melibatkan empat buah pulau sekitar kawasan tersebut serta 25 lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan itu sedang dalam peringkat perbincangan dan secara tidak langsung ini boleh meningkatkan keuntungan koperasi dan ahli yang terlibat. — Bernama

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA